

12/05/2000

Ucapan Presiden perkukuh landasan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad cukup berkesan dalam memantapkan lagi perjuangan, khususnya di kalangan ahli Umno.

Timbalan Presiden Umno itu berkata, Perdana Menteri memberi penekanan mengenai pentingnya orang Melayu menyemai nilai-nilai baik berasaskan kepada iman yang kuat, disiplin, penguasaan ilmu, bekerja kuat dan berpengetahuan.

"Ini adalah asasnya. Dr Mahathir berkata jika ingin maju dan membawa perubahan yang baik kepada kita, kita mesti berusaha bersungguh-sungguh kerana itulah yang dikehendaki oleh Allah.

"Seruan itu begitu jelas. Perdana Menteri juga mengutarakan perkara yang perlu dijauhi iaitu politik wang, berbohong dan rasuah. Ini penting supaya perjuangan tidak akan tercemar," katanya ketika ditemui selepas upacara perasmian Perhimpunan Agung Umno ke-54 oleh Dr Mahathir, di sini hari ini.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri turut terharu apabila Dr Mahathir mengakhiri ucapan dasarnya dengan berdoa bagi merestui perjuangan dan mendapat perlindungan daripada Allah.

"Adalah lebih baik ketua sendiri yang mendoakan daripada menyuruh orang yang mendoakan. Kalau beliau sendiri yang mendoakan, bermakna dia yakin dengan apa yang didoakan. Saya harap doa itu diberkati," katanya.

Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak, pula menyifatkan ucapan perasmian Dr Mahathir sebagai luar biasa, penuh dengan perasaan dan membawa ahli untuk kembali ke landasan parti yang sebenarnya.

Beliau berkata, apa yang utama ialah dalam menghadapi ancaman dalaman dan dari luar, adalah penting bagi Umno menjadi lambang keutuhan perpaduan orang Melayu. "Yang kedua ialah untuk kita memiliki dan mengamalkan nilai luhur dan murni, supaya dapat berjaya di persada antarabangsa, seperti yang berjaya dilakukan oleh pelayar negara, Datuk Azhar Mansor.

"Ketiganya untuk memerangi amalan buruk seperti rasuah dan salah guna kuasa, tamak dan mementingkan diri sendiri dengan keutamaan terhadap mementingkan perjuangan parti," katanya.

Najib berkata, jika ucapan Perdana Menteri itu dijadikan sebagai asas jati diri dan parti, beliau percaya Umno akan tetap menjadi parti kukuh dan sentiasa relevan pada masa akan datang.

Mengenai ucapan yang tetap menyentuh isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata Dr Mahathir mungkin berharap untuk menyakinkan golongan yang masih kurang yakin, mengenai punca utama kes berkenaan.

"Ia bukan soal peribadi atau atas perancangan peribadi, tetapi kewajipannya sebagai seorang pemimpin," katanya.

Sementara itu, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata ucapan Perdana Menteri menyentuh kepada penerapan jati diri Melayu Baru.

Katanya, ini satu pewujudan resipi yang baru kepada Umno dan sekiranya parti mengamalkan budaya ini bermakna negara boleh meningkatkan keupayaan setaraf bangsa agung di dunia.

"Misalnya Terusan Suez, kapal yang mahu melaluinya perlu menjalani peningkatan aras air, sebelum boleh bergerak keluar. Sama seperti jati diri, peningkatan perlu dibuat segera," katanya.

(END)